

MINGGUAN: Apa pendapat Tun dengan projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dalam konteks Tun sebagai anak Johor?

MUSA: Saya adalah aktivis dalam politik, pernah memegang jawatan agak tinggi dalam kerajaan, bekas wakil rakyat yang mewakili dua kawasan di Johor dan juga bekas pegawai tinggi kerajaan negeri Johor. Saya memulakan karier sebagai Penolong Pegawai Daerah Johor. Tetapi seumur hidup saya tidak pernah termimpi akan melihat satu rancangan pembangunan yang begitu besar, bermakna dan komprehensif melibatkan pembangunan masyarakat Johor pada keseluruhannya dan akan memberi faedah lebih luas kepada Malaysia. Saya juga tidak pernah termimpi akan terlibat secara langsung sebagai Panel Penasihat WPI. Pada saya, ini adalah satu rancangan pembangunan yang amat menarik dan tidak pernah menjangka negara kita akan melancarkan projek sebegini besar.

Saya tahu kita telah melalui pengalaman pembangunan luar bandar yang dilancarkan oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak begitu besar dengan secara keseluruhan perubahan dari segi mental. Ia sangat penting bagaimana hendak menukar mentaliti Melayu dan dengan cara itu kita akan meningkatkan proses pembangunan fizikal dan pemikiran orang Melayu ke arah satu masyarakat yang moden.

Saya sendiri terlibat dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kepada saya yang penting selepas Tun Abdul Razak ialah era Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Wawasan 2020 yang menekankan peningkatan imej dan kedudukan ekonomi kita berasaskan projek mega yang menelan belanja begitu banyak dan projek-projek yang mempertingkatkan nama serta pengenalan Malaysia di peringkat antarabangsa. Selepas itu tibalah zaman pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Apabila beliau dibandingkan dengan Dr. Mahathir, rakyat jelata pada umumnya nampak beliau tidak boleh, tidak dapat mentadbir, orang yang melembapkan persekitaran ekonomi, tidak berkeyakinan terutama kepada masyarakat umum dan para peniaga. Ini persepsi rakyat tetapi jangan lupa Dr. Mahathir mentadbir 22 tahun dan Abdullah baru dua tahun lebih.

Bagi Tun mengapa orang mempunyai persepsi begini. Adilkah penilaian mereka?

MUSA: Masyarakat melihat pencapaian Dr. Mahathir dengan Abdullah, pada saya perbandingan itu tidak adil. Seperti yang saya katakan Dr. Mahathir, 'one man show' dan memang beliau berjaya tetapi dalam tempoh 22 tahun. Abdullah personalitinya lemah lembut, tetapi saya kata tidak. Kita nampak dari segi perubahan yang dilakukan. Iaitu fasa pertama ialah untuk menanam kesedaran dan menukar pemikiran daripada budaya politik, ekonomi dan sosial yang telah ditanam oleh Dr. Mahathir kepada budaya dan sistem Abdullah yang menekankan modal insan, ia menuntut sumber manusia itu menjadi asas.


Memanglah ini mengambil masa sedikit untuk ditukarkan. Di dalam sistem sesuatu negara, gerak-geri, kaedah dan cara pentadbiran serta mentaliti sesebuah negara itu adalah mengikut kepemimpinan. Budaya Abdullah menekankan peranan pegawai kerajaan dari segi pencapaian, mentaliti terhadap rasuah, sistem penyampaian, motivasi seperti apa yang dikatakan sebagai modal insan. Tiap-tiap seorang harus memainkan peranan, inisiatif dan idea mereka. Dari segi pentadbiran, beliau mengambil kira kepada kehendak rakyat.

Yang kedua, beliau memberikan kebebasan kepada masyarakat perniagaan. Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), menggalakkan projek-projek dan idea daripada pihak swasta. Dalam mesyuarat Panel Penasihat WPI baru-baru ini, Perdana Menteri menegaskan, bukan urusan kerajaan untuk terlibat dalam perniagaan. Ini sangat menarik kerana projek WPI memberi peluang pihak swasta mengendalikannya walaupun pembabit kerajaan melalui Khazanah Nasional Bhd., (Khazanah Nasional) yang merupakan perancang projek.

Banyak di kalangan profesional yang memutuskan projek itu, berpengalaman dari swasta. Dari segi pelaksanaan umpamanya diserahkan kepada UEM Bhd. Kombinasi mereka (Khazanah Nasional dan swasta) akan memilih dan menentukan projek yang diberikan. Peranan kerajaan memastikan koordinasi dan strategi mengikut pelan induk yang ditetapkan. Kita ada pelan induk yang telah lama dikaji dengan cara komprehensif dan saya menegakan supaya jangan lupa menjadikan ia sebagai rujukan. Pelan itu tidak akan bermakna, sekiranya pelaksanaan dan susulan tidak dapat dijalankan dengan baik. Apa yang dikatakan baik itu ialah efisien, integriti dan tadbir urus yang baik. Kalau para pelabur hendak melabur, kita ada pelan induk yang menyediakan kawasannya, insentifnya dan urusannya dipermudahkan.

Apa jaminan mengatakan projek ini akan dapat dijayakan mengikut perancangan?

MUSA: Pada pendapat saya disebabkan orang yang melaksanakan adalah mereka yang profesional dan berdedikasi, orang lain akan yakin. Walaupun ada pelan induk, apa sahaja peraturan yang kita sediakan, yang ditokok tambah, ia adalah dinamik dan bukan statik, harus sentiasa diawasi dan diperbaiki kerana dunia sekarang lebih kompetitif. Kita kini hidup di dalam suasana ekonomi yang dikenali sebagai 'copycat'. Apa juga idea baru kita, negara lain akan buat lebih baik. Kita pun apabila hendak membuat pembangunan akan melihat kemajuan di Batam atau Dubai. Ini 'copycat' ekonomi. Contohnya, katakan Malaysia hendak memberi in-



Jangan takut pada Singapura

Mukadimah

Di SEBALIK kebimbangan ramai, Malaysia bakal kehilangan kedaulatan jika membuka wilayahnya kepada pelabur asing termasuk Singapura, Tun Musa Hitam tidak melihat perkara itu boleh berlaku.

Pembukaan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang bersaiz dua kali ganda daripada Singapura di Johor, akan dapat membawa kekayaan kepada negara dan memberikan faedah kepada rakyatnya.

Konsep WPI bukan baru, malah perkara yang sama juga diperkenalkan di Emiriah Arab Bersatu (UAE). "Kita harus sedar bagaimana kita sudah berubah. Bagi saya, kedaulatan bukan satu isu. Kita bercakap tentang globalisasi.

"Kita masih boleh mengekalkan identiti kita tetapi dalam konsep global, yang terbaik sahaja akan menang. Cabaran kita sekarang adalah menjadi yang terbaik," kata beliau dalam satu pertemuan di kediamannya di Bukit Tunku, Kuala Lumpur pagi semalam.

Beliau melihat WPI yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 5 November tahun lalu, tidak meminggirkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan tetapi sebaliknya ia menjadi sokongan kepada syarikat-syarikat multinasional.

Beliau menolak kesangsian ramai bahawa pelaksanaan projek WPI ini membuka ruang yang besar kepada para pelabur Singapura meningkatkan pegangan aset dan mengembangkan sayap mereka di negara ini.

Musa yang merupakan Panel Penasihat Lembaga WPI, memberikan jaminan rakyat tidak perlu bimbang dengan kemasukan pelaburan asing terutama dari negara jiran itu sebaliknya melihat suasana tersebut sebagai cabaran dan persaingan sihat dalam era globalisasi.

Projek yang terbesar di rantau Asia Tenggara turut melibatkan syarikat-syarikat kerajaan dan bumiputera. Ia juga terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan bukan eksklusif kepada rakyat Johor.

"Kita tidak harus ada rasa rendah diri kerana mempunyai rasa takut. Kita perlu anggap ia adalah cabaran yang perlu kita tempuh dan inilah yang kita tempuhi dahulu. Akhirnya kita berjaya," kata beliau.

Dalam temu bual beliau dengan wartawan MOHD ZAINI HASSAN, HASSAN MOHD NOOR, SITI MARIAM MD ZAIN, AINUL ASNIERA AHSAN dan SAIFULIZAM MOHAMAD serta jurugambar SHAIFUDDIN MOHD NOR, Musa juga percaya WPI mampu dijayakan dan bakal menjadikan Melayu lebih global serta menjadikan WPI permata di rantau ini.

TUN MUSA HITAM

UM-25/2/2007

Saya hairan apa yang takut sangat. Sebenarnya mereka pun takut dengan kita. Mereka juga fobia

— Musa Hitam

pelaburan ini hebat. Banyak syarikat antarabangsa yang menggunakannya. Mengikut konsep ekonomi moden, persaingan ini bagus sebenarnya kerana ia boleh dijadikan dorongan untuk mencapai tahap kecemerlangan.

Apakah sebenarnya potensi WPI dalam konteks pembangunan serantau?

MUSA: Sebenarnya penubuhan WPI ialah untuk membangunkan sebuah kawasan yang boleh mengambangkan kemajuan rantau Asia Tenggara. Mahu tidak mahu mentaliti semua pihak perlu diubah. WPI sekiranya diamati merupakan satu projek pembangunan yang besar. Orang kata, ekonomi kita tidak kukuh tetapi ramai pelabur datang. Mereka ke mari untuk mencari untung. Sebab itu ada konsep menang-menang.

Mereka tolong membangunkan negara dan dalam masa sama mereka dapat duit. Kalau kita meletakkan syarat terlalu ketat, mungkin mereka akan berfikir balik. Jika mereka mendapati persekitaran perniagaan tidak menarik, mereka boleh pergi ke Dubai, China atau India. Satu lagi isu ialah tentang kroni. Ini tidak lagi berlaku. Dulunya kita melahirkan usahawan Melayu bukan kerana bagus tetapi kerana kawan.

Itulah sebabnya Perdana Menteri sendiri menekankan yang beliau tidak akan lagi mengenal bangsa. Siapa yang hendak melabur, boleh berbuat demikian asalkan syarikat itu ada kemampuan berasaskan pertimbangan ekonomi.

Idea memperkenalkan zon kemasukan bebas. Tidakkah ini mengancam kedaulatan negara?

MUSA: Perkara ini belum diputuskan malahan kerajaan sedar kemungkinan-kemungkinan yang boleh menjadi negatif. Bukan kerana Singapura sahaja. Ideanya mula-mula ialah buka kepada semua, siapa juga boleh masuk. Tetapi ini bukan idea baru dari segi konsep pembangunan serantau. Bagaimanapun saya memang bertanya dan jawapannya tidak ada. Sebenarnya tidak ada keputusan dibuat, cuma masih di peringkat idea.

Apa pendirian Tun dalam hal ini?

MUSA: Saya tidak terlibat dalam perbincangan mendalam. Barangkali mereka perlu ada cara kemasukan yang lebih mudah melalui sistem kemasukan elektronik atau sebagainya kerana sekarang ini banyak cara moden boleh dibuat. Kedaulatan bukan sahaja berkaitan dengan imigresen tetapi perkara-perkara lain, pemilikan dan sebagainya. Hal sebenarnya ialah sama ada kita mampu membawa kebaikan kepada negara - hujah saya ialah buat duit. Malaysia hendak buat duit dengan menggunakan pelabur luar. Pelabur juga hendak buat duit menggunakan negara. Itu maknanya situasi 'menang-menang'. Bila kita ada duit barulah dapat menaikkan taraf hidup ummah. Yang tertinggal sekarang pun kebanyakannya Melayu. Dengan adanya duit, baru kerajaan dapat menjalankan projek-projek bagi kepentingan rakyat.

Rasa rendah diri ini satu aspek tetapi kebanggaan dari segi nasionalisme, kedaulatan negara itu sendiri bagaimana? Sebab persepsi sekarang kerajaan seolah-olah menjual negara?

MUSA: Adakah kedaulatan Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah hilang? Anda kata semangat nasionalisme kita masih tebal tetapi bagi saya sudah kurang tebal. Lihat Indonesia, Vietnam malah Thailand yang tidak pernah dijajah. Mereka juga kini menjadi masyarakat terbuka. Orang kata kemelayuan kita hilang. Bukan hilang tetapi semakin kurang. Dulunya emak bapa kita menggunakan gobek sirih, sekarang tidak. Semua menjadi moden. Kita harus sedar bagaimana kita berubah. Bagi saya kedaulatan negara bukan isu. Kita bercakap tentang globalisasi. Kita boleh mengekalkan identiti tetapi dalam konsep global hanya yang terbaik akan menang.

Cabaran kita ialah menjadi yang terbaik. Baguslah kita dapat mengekalkan seni, bahasa, budaya dan sebagainya. Kalau kita pergi Belanda, mereka juga mengekalkan percakapan dalam bahasa Belanda. Mereka menggelar diri mereka orang Belanda. Tetapi mereka juga bercakap bahasa Inggeris. Mereka ini dihormati, produk mereka sangat dikenali, contohnya Phillips. Rakyat Perancis juga nasionalistik. Mereka tetap berbangga dengan negara mereka.

Apa sumbangan projek ini kepada negara secara keseluruhannya?

MUSA: Peluang yang ada bukan akan dapat kepada orang Johor sahaja tetapi semua pihak. Dan tentunya akan menjana pendapatan negara. Semalam saya mengingatkan dalam mesyuarat di samping projek besar yang berharga RM2 bilion hingga RM3 bilion, jangan lupa projek IKS. Mereka ini adalah kumpulan sokongan kepada projek-projek besar. Misalnya, Nusajaya iaitu salah sebuah kawasan di dalam WPI. Kawasan itu memerlukan projek-projek yang boleh dilaksanakan oleh IKS. Kita mempunyai usahawan bumiputera yang berkebolehan. Mereka ini kini berada di mana-mana.

Apa harapan Tun?

MUSA: Saya berharap kalau ada pihak yang hendak mengkritik atau memberi pandangan, ia haruslah kepada bentuk membina. Saya fikir banyak yang mengkritik dengan cara membina dan ikhlas serta betul-betul merupakan orang yang sedar, insaf dan takut dengan masa depan negara. Ini saya sanjung tinggi. Dan menjadi tugas serta tanggungjawab UMNO dan kerajaan untuk mengumpulkan mereka, memberi penjelasan dan mendapat tindak balas kerana itulah cara yang terbaik.

Dari segi kritikan parti pembangkang, biarlah mereka menyuarakannya melalui Parlimen. Kalau ada orang kita dalam UMNO yang tidak puas hati dan ingin bersama-sama, inilah peluang mereka dengan cara yang ditentukan oleh pucuk pimpinan. Saya percaya dengan keikhlasan, kita akan dapat melaksanakan usaha dengan lebih berkesan lagi.